

***SUDAWIL : ANALISIS DARI
ASPEK MAKNA***

JULITA @ NORJIETTA BT TAISIN

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Sudawil adalah puisi lisan Kadazandusun yang semakin dilupakan. Untuk mengelak *sudawil* lenyap daripada ingatan pendukungnya, maka kajian ini dilakukan untuk meneliti makna *sudawil* daripada dimensi linguistik dan budaya masyarakat Kadazandusun yang ditonjolkan melalui aspek makna denotatif, konotatif dan fungsi kohesi. Dengan mengaplikasikan pendekatan Teori Analisis Komponen Makna oleh Katz (1972) elemen-elemen sinonim, metafora dan kohesi telah membuktikan bahawa *sudawil* mampu mengungkap makna yang luas. Pengumpulan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan rujukan pustaka. Secara keseluruhan, kajian ini berhasil mengungkap tiga tafsiran makna. Pertama, wujudnya padanan makna perkataan-perkataan tertentu dalam ungkapan *sudawil*. Kedua, penggunaan unsur metafora mampu mewujudkan pelbagai makna untuk mengekalkan interaksi sosial berlandaskan adat dan budaya masyarakat penggunaanya. Ketiga, unsur kohesi *no* mempengaruhi ungkapan wacana bermakna kerana ia memberi penegasan maklumat dengan berkesan. Kombinasi ketiga-tiga elemen tersebut telah membuktikan bahawa *sudawil* merupakan tradisi lisan yang menyimpan nilai dan norma kehidupan masyarakatnya dan *sudawil* seharusnya dipertahankan oleh generasi muda sebagai tradisi hidup yang masih bersesuaian pada zaman moden.